



14 Jun 2011
14 June 2011
P.U. (B) 306

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERISYTIHARAN KAWASAN LARANGAN MEROKOK 2011

DECLARATION OF NON-SMOKING AREA 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

PERISYTIHARAN KAWASAN LARANGAN MEROKOK 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh peraturan 22 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], Menteri mengisytiharkan bangunan dan tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua sebagai kawasan larangan merokok berkuat kuasa mulai 15 Jun 2011.

2. Perisytiharan ini tidak terpakai bagi—

- (a) mana-mana bangunan atau premis, yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian, yang terletak di dalam kawasan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua; dan
- (b) mana-mana jalan yang terletak di dalam kawasan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

JADUAL PERTAMA

Bangunan dan Tempat	Perihal
1. Bandar Warisan Dunia, Bandar Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terkandung dalam kawasan yang ditandakan dengan sempadan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 854 di Lampiran 1, yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
2. Melaka Raya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terkandung dalam kawasan yang ditandakan dengan sempadan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 855 di Lampiran 2, yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
3. Melaka International Trade Centre, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terkandung dalam kawasan yang ditandakan dengan sempadan garisan tebal sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 856 di Lampiran 3, yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
4. Bandar Alor Gajah, Majlis Perbandaran Alor Gajah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terkandung dalam kawasan yang ditandakan dengan sempadan garisan tebal sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 857 di Lampiran 4, yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka

5. Bandar Jasin, Majlis
Perbandaran Jasin
- Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terkandung dalam kawasan yang ditandakan dengan sempadan garisan tebal sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan *Warta* PW 858 di Lampiran 5, yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka

JADUAL KEDUA

Bangunan dan Tempat	Perihal
1. Jalan Hang Jebat yang terletak dalam Bandar Warisan Dunia, Bandar Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terkandung dalam kawasan yang dilorek dengan warna kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 854 di Lampiran 1, yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah
2. Jalan Kota yang terletak dalam Melaka Raya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terkandung dalam kawasan yang dilorek dengan warna kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 855 di Lampiran 2, yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka